



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

LAPORAN PENEMUAN RINGKAS
BANCI TAHUNAN PERUSAHAAN/PERNIAGAAN (BTP) 2017

REPORT OF SUMMARY FINDINGS OF THE
ANNUAL CENSUS OF ENTERPRISES (ACE) 2017

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

LAPORAN PENEMUAN RINGKAS
BANCI TAHUNAN PERUSAHAAN/PERNIAGAAN (BTP) 2017

1. Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengendalikan **Banci Tahunan Perusahaan/Perniagaan (BTP) 2017** bermula bulan Disember 2017. Objektif utama BTP 2017 adalah untuk mengumpul maklumat terkini mengenai pertumbuhan, sumbangan, komposisi dan taburan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh syarikat perusahaan/perniagaan di Negara Brunei Darussalam.
2. JPKE telah mengeluarkan **Laporan Penemuan Ringkas Banci Tahunan Perusahaan/Perniagaan (BTP) 2017** yang memuatkan data mengenai profil dan prestasi perusahaan/perniagaan di sektor swasta pada tahun 2016 dan 2017. Data bagi tahun 2015 yang sebelum ini dikeluarkan melalui Laporan Awal Banci Ekonomi Perusahaan/Perniagaan (BEP) 2016 adalah juga dikemaskinikan.
3. Penemuan-penemuan utama yang dimuatkan di dalam Laporan Penemuan Ringkas BTP 2017 adalah seperti berikut:
 - a) **Perusahaan**
 - Sebanyak 6,047 buah perusahaan telah melapor sebagai aktif pada tahun 2017, di mana 97.2 peratus (5,876 buah) adalah terdiri dari perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).
 - Terdapat sebanyak 2,442 buah perusahaan yang bersaiz mikro, iaitu yang mempunyai kurang dari 5 orang pekerja; 2,490 buah perusahaan kecil yang mempunyai antara 5 hingga 19 orang pekerja; 944 buah perusahaan sederhana dengan 20 hingga 99 orang pekerja; dan 171 buah perusahaan selebihnya adalah bersaiz besar dengan 100 orang atau lebih pekerja.

- Tiga kegiatan ekonomi terbesar ialah Perdagangan Borong dan Runcit dengan 2,081 perusahaan (34.4 peratus), diikuti oleh Pembinaan dengan 764 perusahaan (12.6 peratus); dan Penginapan dan Perkhidmatan Makanan dengan 668 perusahaan (11.0 peratus).

b) Pekerjaan

- Lebih ramai pekerja tempatan telah memasuki pasaran kerja di sektor swasta, di mana bilangan mereka telah meningkat sebanyak 2.2 peratus dari 53,336 orang pada tahun 2016 kepada 54,489 orang pada tahun 2017.
- Walau bagaimanapun, secara keseluruhan jumlah pekerja sektor swasta telah menurun sebanyak 0.6 peratus dari 115,985 orang (2016) kepada 115,329 (2017).
- Perdagangan Borong dan Runcit adalah majikan yang terbesar melibatkan 25,533 pekerja (22.1 peratus). Ini diikuti oleh Pembinaan (20,979 pekerja atau 18.2 peratus), Perkhidmatan Profesional, Teknikal, Pentadbiran dan Bantuan (14,533 pekerja atau 12.6 peratus), dan lain-lain.

c) Pendapatan

- Jumlah pendapatan dari aktiviti perniagaan telah mencatatkan peningkatan sebanyak 9.0 peratus dari BND 21.3 bilion pada tahun 2016 kepada BND 23.2 bilion pada tahun 2017.
- Pendapatan terbesar adalah disumbangkan oleh aktiviti Perlombongan dan Kuari bernilai BND 7,464.7 juta (32.2 peratus), diikuti oleh aktiviti Pembuatan sebanyak BND 4,874.4 juta (21.0 peratus), dan aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit sebanyak BND 4,283.9 juta (18.5 peratus).

4. JPKE ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pemilik dan pengurus syarikat perusahaan dan perniagaan di atas kerjasama yang diberikan dalam membekalkan maklumat yang diperlukan bagi BTP 2017.
5. Laporan Penemuan Ringkas Banci Tahunan Perusahaan/Perniagaan (BTP) 2017 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE. Sebarang pertanyaan mengenainya bolehlah dirujuk ke JPKE dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang berikut:

Telefon : 2230251 (waktu pejabat)
E-mel : economic.census@jpke.gov.bn
Laman sesawang : www.depd.gov.bn



MEDIA RELEASE

DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

REPORT OF SUMMARY FINDINGS OF THE ANNUAL CENSUS OF ENTERPRISES (ACE) 2017

-
1. *The Department of Economic Planning and Development (JPKE), Ministry of Finance and Economy has conducted the **Annual Census of Enterprises (ACE) 2017** starting in December 2017. The main objective of ACE 2017 was to collect latest information pertaining to the growth, contribution, composition and distribution of the economic activities undertaken by the business enterprises in the private sector.*
 2. *JPKE has released the **Report of Summary Findings of the Annual Census of Enterprises (ACE) 2017** which presents data on the profile and performance of the private sector businesses in 2016 and 2017. The data for 2015 which was previously released in the Preliminary Report of the Economic Census of Enterprises (ECE) 2016, has also now been finalised and revised.*
 3. *The main findings included in this Report of Summary Findings of the ACE 2017 are as follows:*
 - a) ***Enterprises***
 - *A total of 6,047 enterprises have reported as being active in 2017, where 97.2 per cent (5,876 enterprises) comprised of micro, small and medium enterprises (MSMEs).*
 - *There were 2,442 micro enterprises, that is those with less than 5 workers; 2,490 small enterprises which employed between 5 to 19 workers; 944 medium enterprises employing between 20 to 99 workers; and the remaining 171 enterprises were large enterprises with 100 or more workers.*

- *The three largest economic activities were the Wholesale and Retail Trade with 2,081 enterprises (34.4 per cent), followed by Construction with 764 enterprises (12.6 per cent) and Accommodation and Food Services Activities with 668 enterprises (11.0 per cent).*

b) Employment

- *More locals were entering the private sector workforce, where their number has risen by 2.2 per cent from 53,336 persons in 2016 to 54,489 persons in 2017.*
- *However, the overall total employment in the private sector decreased by 0.6 per cent from 115,985 persons (2016) to 115,329 persons (2017).*
- *Wholesale and Retail Trade was the top employer with 25,533 employees (22.1 per cent). This was followed by Construction (20,979 employees or 18.2 per cent), Professional, Technical, Administrative and Support Services (14,533 employees or 12.6 per cent), and others.*

c) Revenue

- *The total revenue from business activities recorded an increase by 9.0 per cent from BND 21.3 billion in 2016 from BND 23.2 billion in 2017.*
 - *The highest revenue was generated by Mining and Quarrying valued at BND 7,464.7 million (32.2 per cent), followed by Manufacturing with BND 4,874.4 million (21.0 per cent), and Wholesale and Retail Trade with BND 4,283.9 million (18.5 per cent).*
4. *JPKE would like to take this opportunity to express their appreciation to all owners and managers of business enterprises for their cooperation in providing the required information for ACE 2017.*
5. *The Report of Summary Findings of the Annual Census of Enterprises (ACE) 2017 is available from JPKE's website. For any enquiries on this matter, please refer to JPKE by contacting the lines or browsing through the website below:*

<i>Telephone</i>	:	2230251 (working hours)
<i>E-mail</i>	:	<u>economic.census@jpke.gov.bn</u>
<i>Website</i>	:	<u>www.depd.gov.bn</u>